

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DAN PENGEMASKINIAN DATA MAKLUMAT
PERIBADI DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**SUSUNAN
GARIS PANDUAN**

Peraturan

1. Tujuan
2. Tafsiran dan Interpretasi
3. Skop
4. Pengambilan Data Dan Maklumat Peribadi
5. Had Penggunaan Maklumat Peribadi
6. Penyelenggaraan Maklumat Peribadi
- 7.0 Pembatalan
- 8.0 Lain-Lain

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DAN PENGEMASKINIAN DATA MAKLUMAT PERIBADI DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini menerangkan mengenai Penggunaan Dan Pengemaskinian Data Dan Maklumat Peribadi merupakan kawalan dalaman yang menjelaskan bagaimana mengumpul, menyimpan dan mengendali data dan maklumat peribadi. Data dan maklumat peribadi diambil berpandukan dasar dan peraturan yang dibenarkan.

2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"pengguna" ertinya:-

- a) staf - mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman;
- b) pelajar - seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UTeM dan statusnya masih aktif; dan
- c) pihak luar – mana-mana orang selain staf dan pelajar.

" Data" ertinya Merujuk kepada himpunan fakta mentah (raw) mengenai sesuatu objek, kejadian, orang atau entiti yang terdiri daripada perkataan,

angka dan gambar. Data boleh menjadi sesuatu fakta yang bermakna atau tidak bermakna sehingga fakta-fakta tersebut diproses;

” Maklumat” ertinya Merujuk kepada hasil daripada pengumpulan, pemprosesan dan penganalisan data yang boleh digunakan untuk membuat sesuatu keputusan atau maklumat yang dihasilkan ini lebih bermakna dan mudah untuk difahami;

” Maklumat Peribadi” ertinya Merujuk kepada data atau maklumat tentang seseorang individu, termasuk nama, tarikh lahir dan sebagainya. Data-data ini boleh digunakan untuk mengenali seseorang individu contohnya nombor kad pengenalan, nombor staf dan sebagainya.;

” Pemilik Data atau Pemilik Maklumat” ertinya Merujuk kepada PTj yang bertanggungjawab untuk data atau maklumat dalam sistem, web dan portal.;

” Tuan Punya Maklumat” ertinya Merujuk kepada seseorang individu yang boleh dikenal pasti melalui data atau maklumat peribadi yang ada.;

” Data Peribadi Sensitif” ertinya Apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pernyataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain.;

” UTeMnet” ertinya Rangkaian yang diakses di dalam kampus UteM;

” Garis Panduan” ertinya garis panduan penggunaan dan pengemaskinian data maklumat peribadi Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

”PPPK” ertinya Pusat perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi UTeM;

"PTj" ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Pejabat/Fakulti/Institut/Pusat atau apa-apa jua nama ia disebut; dan

"UTeM" bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa Peraturan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Peraturan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Peraturan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Peraturan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Peraturan ini.

3.0 SKOP

Garis Panduan ini meliputi semua data dan maklumat peribadi yang diproses secara menyeluruh atau sebahagiannya dengan menggunakan teknologi ICT atau sebarang sistem pemprosesan automatik yang meliputi:-

- (a.) Data dan maklumat peribadi yang diproses oleh sebarang sistem pemprosesan.
- (b.) Data dan maklumat peribadi yang diproses secara manual.

- (c.) Data dan maklumat peribadi yang diambil melalui borang dan bahan bercetak.

4.0 PENGAMBILAN DATA DAN MAKLUMAT PERIBADI

- 4.1 Sebarang keperluan data dan maklumat peribadi yang diambil bagi tujuan mengguna, menghebah atau tujuan prosedur yang telah dikenalpasti adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Universiti.

(Dasar ICT Bab 7 Dasar Akauntabiliti Dan Kerahsiaan Maklumat, Perkara 0707 Larangan Terhadap Pengambilan Maklumat Sensitif)

4.2 Pengambilan Data Dan Maklumat Peribadi

- a) Pengambilan data dan maklumat peribadi dengan kaedah yang dibenarkan, oleh itu data dan maklumat peribadi tersebut tidak boleh digunakan dengan cara yang bertentangan dengan Dasar Keselamatan ICT. *(Dasar Keselamatan ICT Bab 8 Dasar Keselamatan ICT, Perkara 0805 Prinsip-Prinsip, (iii) Akauntabiliti);*
- b) Data dan maklumat peribadi atau pun yang bersamaan dengannya boleh diambil daripada Pemilik Data adalah seperti berikut:
- i. Nama;
 - ii. Gelaran;
 - iii. Jawatan
 - iv. Pusat Tanggungjawab (PTj);
 - v. Nombor Telefon (Pejabat); dan
 - vi. Email

- c) Tuan Punya Maklumat adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesahihan maklumat peribadi. Pembedulan maklumat peribadi jika terdapat kesilapan hendaklah dimaklumkan kepada Pemilik Data.

(Dasar ICT, Bab 7 Dasar Akauntabiliti Dan Kerahsiaan Maklumat, Perkara 0708 Maklumat Peribadi Yang Boleh Diambil daripada Pemilik Data, (a),(b) dan (c))

- d) Apabila seorang staf atau Tuan Punya Maklumat memberikan data atau maklumat palsu seperti:

- i. Menggunakan apa-apa samaran atau nama palsu, atau dengan disedari, menyembunyikan identiti atau bangsanya;
- ii. Secara lisan atau dengan bertulis dalam satu akuan atau permohonan, atau dalam sesuatu dokumen yang ditandatangani olehnya ATAU bagi pihaknya, dengan disedarinya atau membiarkan dibuat sesuatu pernyataan palsu.

Mengikut Seksyen 9(2) ia boleh dihukum dengan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

(Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Menggunakan Pakaian Seragam Tanpa Kuasa, Memalsukan Laporan, Pemalsuan, Penyamardirian Dan Surat Palsu, Muka Surat 16 & 17)

4.3 Pengambilan Data Dan Maklumat Peribadi Sensitif

- a) Data dan maklumat peribadi sensitif adalah ditakrifkan apa-apa data dan maklumat tentang perkara berikut seperti:
- i. Bangsa;
 - ii. Asal keluarga;
 - iii. Agama,
 - iv. Pandangan politik,
 - v. Ideologi atau pun keahlian sesuatu persatuan; dan
 - vi. Maklumat kesihatan, rawatan yang diambil.

(Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP[Akta 709], Seksyen 4. Tafsiran, Page 11),

- b) Semua data dan maklumat peribadi sensitif hendaklah dinyatakan dengan jelas tujuan penggunaan dan perlu dimohon kepada Pemilik Data dan ia adalah tertakluk kepada bidang kuasa Universiti.

(Dasar ICT Bab 7 Dasar Akauntabiliti Dan Kerahsiaan Maklumat, Perkara 0707 Larangan Terhadap Pengambilan Maklumat Sensitif, (a), (b) dan (c))

- c) Maklumat kesihatan hanya boleh diambil oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah namun masih tertakluk kepada bidang kuasa Universiti.

(Dasar ICT Bab 7 Dasar Akauntabiliti Dan Kerahsiaan Maklumat, Perkara 0707 Larangan Terhadap Pengambilan Maklumat Sensitif, (a), (b), (c))

5.0 HAD PENGGUNAAN MAKLUMAT PERIBADI

5.1 Data dan maklumat peribadi mestilah digunakan untuk tujuan yang dinyatakan ketika maklumat itu diperolehi dalam skop yang dibenarkan oleh Universiti;

5.2 Penggunaan data dan maklumat peribadi yang telah diambil mestilah mengikut syarat berikut:

- a) Pemilik Data telah memberi kebenaran menggunakan maklumat tersebut.
- b) Maklumat boleh digunakan untuk tujuan mahkamah atau perundangan.
- c) Maklumat boleh digunakan untuk melindungi Pemilik Data dalam semua perkara.
- d) Maklumat boleh digunakan oleh Tuan Punya Maklumat bagi pengesahan sesuatu kontrak.

(Dasar ICT Bab 7 Dasar Akauntabiliti Dan Kerahsiaan Maklumat, Perkara 0709 Had Penggunaan Maklumat Peribadi (a), (b)) (Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP[Akta 709], Seksyen 6 Prinsip Am, Page 15),

5.3 Walau bagaimanapun Universiti mempunyai hak untuk menggunakan data dan maklumat peribadi atas dasar menjaga kepentingan Universiti.

6.0 PENYELENGGARAAN MAKLUMAT PERIBADI

- 6.1 Tuan Punya Maklumat bertanggungjawab memastikan ketepatan maklumat peribadi semasa dalam simpanan dan sentiasa dikemas kini secara berkala supaya sahih untuk tujuan yang diperlukan. Dalam kes Tuan Punya Maklumat telah tamat perkhidmatan, pelajar berhenti atau telah bergraduat, mereka tidak dimestikan untuk mengemaskini maklumat tersebut kecuali apabila diperlukan oleh Pemilik Data;
- 6.2 Pemilik Data bertanggungjawab menjamin kerahsiaan maklumat peribadi. Individu yang bertanggungjawab menyimpan, mengumpul atau memproses maklumat mestilah memastikan maklumat peribadi tidak disebarikan kepada pihak lain, selain daripada mereka yang mempunyai hak untuk mengetahui maklumat tersebut;
- 6.3 Pemilik Data bertanggungjawab menjaga kerahsiaan, integriti dan akauntabiliti data.

(Dasar ICT Bab 7 Dasar Akauntabiliti Dan Kerahsiaan Maklumat, Perkara 0710 Penyelenggaraan Penggunaan Maklumat Peribadi (a), (b), (c), (d), (e) dan (f))

7.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Polisi Penggunaan dan Pengemaskinian Data Dan Maklumat Peribadi, maka ianya akan membatalkan Polisi Memelihara dan Melindungi Maklumat Peribadi yang telah diwujudkan pada 18 Mei 2009 Versi

1.0

8.0 LAIN-LAIN

- 8.1 Sebarang pelanggaran terhadap mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam Peraturan ini boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih tindakan di bawah:-
- a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 termasuk apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
 - b) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuk apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya; atau
 - c) mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 8.2 Peraturan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, peraturan, dan undang-undang lain yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
- 8.3 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.